



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN

YB DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI

MENTERI

PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

SUMBANGAN HAMPERBOX SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 2020

6 MEI 2020 (RABU)

2 PETANG

BILIK MESYUARAT BUNGA RAYA

ARAS 10

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL
PENGGUNA**

1. ALUAN

SALAM SEJAHTERA.

YB DATO' ROSOL BIN WAHID (TIMBALAN MENTERI KPDNHEP)

**YBHG. DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD (KSU
KPDNHEP)**

YBRS. DR. ALAUDDIN BIN SIDAL (TKSU PPDN)

YBRS. TUAN MOHAMED ZAHARI BIN RAZALI (TKSU PP)

**YBRS. PUAN NG LEE TIENG (PENGARAH EKSEKUTIF 99
SPEEDMART)**

YBRS. EN SIMON YONG (MIS DIRECTOR 99 SPEEDMART)

**YBRS. EN YONG ENG KWANG (PENGURUS BESAR OPERASI
CAWANGAN 99 SPEEDMART)**

2. TALKING POINT

- i. Ucapan terima kasih kepada syarikat 99 Speedmart Sdn. Bhd. yang bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi menceriaikan golongan B40 sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 2020.**
- ii. Pihak 99 Speed Mart telah menyumbangkan sebanyak 5,000 unit kotak hamper (hamperbox) untuk diedarkan kepada setiap negeri.**
- iii. Usaha dan komitmen daripada 99 Speed Mart Sdn. Bhd. membuktikan pihak pasaraya prihatin dalam melaksanakan tanggungjawab sosial kepada golongan B40.**
- iv. Kementerian menggalakkan semua pemain industri untuk turut serta dalam program tanggungjawab sosial sama ada dalam bentuk bantuan kewangan, barangan keperluan, infrastruktur, peluang pekerjaan ataupun pendidikan.**
- v. Salah satu Program berbentuk tanggungjawab sosial yang diterajui oleh kementerian ini adalah Program Food Bank**

Malaysia (PFBM) yang dimulakan sejak tahun 2018. Malah, pihak 99 Speedmart juga merupakan salah satu penyumbang utama dalam Program ini. Terima kasih diucapkan.

- vi. Kementerian dengan kerjasama Yayasan Food Bank Malaysia telah menubuhkan *Distribution Centre* (DC) khusus untuk kemudahan Program Food Bank Malaysia yang terletak di Sungai Chua, Kajang. Fungsi utama DC ini adalah untuk memudahkan urusan perjalanan pengumpulan serta pengagihan makanan untuk disalurkan kepada golongan yang memerlukan.**
- vii. Kementerian juga mengucapkan terima kasih kepada 99 Speedmart dan semua pemain industri yang telah memberi kerjasama kepada kerajaan dalam mencegah penularan COVID-19.**
- viii. Kerajaan juga ingin mengucapkan terima kasih atas usaha untuk memastikan bekalan keperluan harian mencukupi sepanjang tempoh PKP berkuatkuasa.**
- ix. Pada masa PKPB, saya berharap agar kita dapat terus mengamalkan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh**

Kementerian Kesihatan Malaysia seperti amalan “social distancing”, “kerap cuci tangan”, dan sebagainya.

3. PENUTUP

- x. **Bagi sesi penyerahan hari ini, saya dan YB Dato’ Timbalan Menteri akan menyalurkan sebahagian sumbangan kotak hamper ini kepada golongan B40 di negeri.**

- xi. **Manakala, sebahagian sumbangan lagi akan diserahkan oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam kepada kakitangan Kementerian di bawah kategori B40.**

- xii. **Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih ke atas sumbangan pihak 99 Speedmart pada hari ini.**

Disediakan oleh

Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP)

KPDNHEP

Mei 2020